

21 OCT 2001

MAHATHIR-APEC

M'SIA TIDAK CADANG KELUAR DARI APEC

Oleh: Mohd Kamel Othman

SHANGHAI, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa Malaysia tidak bercadang untuk keluar daripada forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

"Kami tidak pernah berfikir keluar daripada out of APEC. Kami telah menyertai di dalam APEC dan sekarang kami dapati bahawa APEC telah mengubah wataknya dengan peserta-peserta baru di dalamnya dan lebih mengambil berat terhadap negara-negara membangun dan masalah-masalah mereka," beliau memberitahu sidang media pada akhir Sidang Kemuncak APEC Kesembilan di sini hari ini.

Menjawab soalan daripada media antarabangsa, perdana menteri menyebut bagaimana mesyuarat APEC kali ini tidak menumpukan secara khusus kepada pembukaan pasaran yang pernah menjadi tema utama semua mesyuarat sebelum ini.

"(Mereka pernah kata) bahawa kami mesti bukan pasaran, benarkan modal masuk, buka dan biar semua syarikat masuk. Tetapi (pada) sidang ini, tidak sepeatahpun mereka kata begitu," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia merasa bahawa perubahan sikap ini adalah kerana perhatian berat terhadap masalah yang dihadapi oleh negara-negara sedang membangun.

"Malaysia merasa lebih selesa dengan APEC sekarang, daripada sebelum ini. Kami tidak bercadang untuk keluar," katanya

Mengenai deklarasi yang mengutuk keganasan tetapi tidak menyebut Afghanistan, Perdana Menteri berkata apa yang termasuk di dalam perisytiharan itu menunjukkan bahawa ekonomi-ekonomi anggota mempunyai pendirian bersama berhubung keganasan.

"Kami semua bersetuju bahawa setiap negara akan bertindak mengikut caranya sendiri. Tiada paksaan ke atas apa tindakan yang akan kami ambil untuk menentang keganasan dan hasilnya, tidak ada keperluan untuk bercakap mengenai Afghanistan."

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata bahawa "pendirian Malaysia mengenai isu itu diketahui dan bahawa tidak sama sekali menghapang ke arah mendapai persetujuan kami."

Mengenai pendirian Malaysia menggesa diadakan persidangan antarabangsa untuk membincangkan dan mencari sebab utama keganasan, perdana menteri berkata bahawa beliau bercakap kepada banyak pemimpin dan sesetengahnya telah bersetuju untuk mengenal pasti sebab-sebab keganasan.

Semasa perbincangan itu, katanya banyak yang merasakan bahawa tidak seharusnya hanya serangan ketenteraan tetapi juga langkah-langkah diplomatik untuk menyelesaikan masalah di Asia Barat, yang banyak merasakan berkaitan dengan keganasan hari ini.

Ditanya sekiranya menembak asykar Israel oleh rakyat Palestin adalah satu tindakan keganasan, Dr Mahathir berkata bahawa "seseoragn mesti ingat bahawa asykar Israel juga menembak rakyat Palestin jadi ia adalah benda dua hala.

"Itulah sebab kenapa Malaysia berpendapat bahawa pemerhati-pemerhati Bangsa-bangsa Bersatu patut ditempatkan di sana untuk mengasingkan penyerang-penyerang. Sesetengah bersetuju dengan pandangan itu tetapi adalah jelas yang lain tidak setuju, jadi kami tidak membuat itu sebagai sebahagian daripada resolusi (di dalam perisytiharan)," katanya.

Ketika ditanya oleh seorang wartawan asing lain bahawa penahanan anggota-anggota Kumpulan Militer Malaysia (KMM) baru-baru ini oleh pihak

berkuasa Malaysia dilihat oleh sesetengah sebagai perdana menteri itu cuba mengukuhkan kuasanya, Dr Mahathir berkata: "Bersabit dengan penahanan itu, kami telah menahan orang-orang itu malahan sebelum 11 September. Jadi ia tiada berkaitan dengan 11 September (serangan di AS)."

"Lagipun, saya tidak perlu susahkan (orang) yang tidak menyokong saya. Saya mempunyai majoriti tiga suku di dalam Parlimen dan itu akan kekal sehingga pilihanraya akan datang."

"Jadi saya tidak perlu lakukan sesuatu hal untuk menyuruh orang menyokong saya," tambah beliau. -- BERNAMA

MKO MR OS